

MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2014
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A
EKONOMI ASAS SPM
Kertas 2
Dua Jam

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul soalan ini mengandungi dua bahagian: **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**
2. Jawab **Tiga** soalan daripada Bahagian A dan **satu** soalan wajib di Bahagian B.
3. Jawapan hendaklah ditulis di atas kertas jawapan.
4. Jawapan bagi **Soalan 2(b)(i)** dan **3 (b)** hendaklah ditulis dalam kertas graf.
5. Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk soalan dalam **Bahagian B**.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
7. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
8. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Modul soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A

(75 markah)

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.



1. a) (i) Apakah jenis barang tersebut dari segi ekonomi? [2 markah]
(ii) Bandingkan barang . (a)(i) dari segi ekonomi. [8 markah]
- b) Petikan berikut berkaitan dengan Syarikat Bina Darulaman Sdn. Bhd.

Pihak syarikat bercadang membina pangsapuri kos rendah yang mampu dimiliki oleh golongan yang berpendapatan rendah.

- (i) Merujuk kepada pernyataan di atas, apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh pihak syarikat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi di atas. [4 markah]
- (c) Jadual 1 di bawah menunjukkan upah wang dan harga dua jenis barang pada tahun 2011 dan 2013.

Tahun	Upah Wang (RM)	Harga Barang (RM)	
		Barang X	Barang Y
2011	4 000	100	300
2013	6 000	170	400

Jadual 1

Hitung:

- i. Harga purata barang pada tahun 2011 [2 markah]
ii. Upah benar pada tahun 2013 [2 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan satu daripada sumber Encik Halim bagi satu bulan tertentu.

1. Sewa rumah	RM 600
2. Dividen Tabung Haji	RM 3000
3. Dividen Bank Islam	RM 1000
4. Pemberian anak	RM 300

Huraikan **dua** jenis pendapatan Encik Halim selain daripada yang dinyatakan di atas. [5 markah]

2.(a) Encik Anuar ialah seorang pegawai kerajaan yang mempunyai seorang isteri dan tiga orang anak yang masih bersekolah.

Berikut merupakan maklumat kewangan Encik Anuar setiap bulan dalam tahun 2013.

Pendapatan	RM
Gaji	2500
Faedah daripada simpanan tetap	120
Sewa diterima	380
Potongan wajib dan perbelanjaan	RM
Bayaran zakat	30
Caruman KWSP	225
Ansuran kereta	500
Premium insurans nyawa	150
Pelepasan cukai	RM
Diri sendiri	9000
Isteri	5000
Anak (seorang)	1000
Caruman KWSP dan premium insurans nyawa (maksimum)	6000
Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan	
RM 2500 pertama	= 0%
RM 2500 berikut	= 1%
RM 5000 berikut	= 3%
RM 10,000 berikut	= 5%

Hitungkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Anuar bagi tahun 2013. [8 markah]

- (b) Jadual 2 menunjukkan harga bagi kemeja dan kuantiti diminta.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
20	120
40	80
60	40

Jadual 2

- (i) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan barang tersebut (Gunakan skala 2 cm: 20 unit pada paksi kuantiti dan skala 2 cm : RM10 pada paksi harga). [4 markah]

- (c) Jadual 3 di bawah menunjukkan permintaan terhadap rumah teres setingkat pada bulan Januari dan Jun 2013.

Bulan	Harga seunit (RM)	Kuantiti diminta (unit)
Januari 2013	150,000.00	5000
Jun 2013	150,000.00	3000

Jadual 3

- (i) Jelaskan **dua** faktor yang mempengaruhi perubahan permintaan rumah teres pada bulan Jun 2013 berbanding dengan bulan Januari 2013. [4 markah]

- (d) Jadual 4 menunjukkan butiran perbelanjaan Firma X yang mengeluarkan 200 000 unit syampu dalam masa enam bulan.

Butiran	RM
Bahan mentah	15 000.00
Gaji pekerja	45 000.00
Sewa kilang	12 000.00
Air dan elektrik	4 800.00
Insurans kilang	3 200.00

Jadual 4

Hitungkan :

- (i) Kos tetap [2 markah]
 (ii) Kos berubah [2 markah]
 (iii) Kos purata bagi firma tersebut [2 markah]
- (e) Bezakan **dua** ciri input tetap dan input berubah [3 markah]

3. (a) Bezakan antara aliran fizikal dengan aliran wang. [6 markah]

(b) Jadual 5 di bawah menunjukkan kuantiti permintaan pasaran dan kuantiti penawaran pasaran buruh pada pelbagai tingkat upah

Upah (RM)	Kuantiti Permintaan buruh (orang)	Kuantiti Penawaran buruh (orang)
1000	10	25
600	20	15
200	30	5


Jadual 5

- (i) Dengan menggunakan skala 2cm = RM200 pada paksi upah dan 2 cm = 5 orang, lukiskan keluk keseimbangan pasaran buruh. [5markah]
- (ii) Tentukan harga keseimbangan dan kuantiti keseimbangan. [2 markah]
- (iii) Tentukan keadaan pasaran pada tingkat upah RM300. [3 markah]

(c) Jelaskan kesan setiap tindakan berikut ke atas pasaran buruh tempatan.

- (i) Kerajaan melonggarkan syarat pengambilan pembantu rumah daripada Myanmar, Bangladesh dan Indonesia oleh rakyat Malaysia [3 markah]
- ii) Pihak imigresen mengarahkan semua majikan menghantar pulang semua buruh asing dalam sektor pembinaan. [3 markah]
- iii) Kerajaan meningkatkan insentif kepada firma elektronik yang menggunakan kaedah intensif modal dalam pengeluaran. [3 markah]

4. (a) Gambar 1 dan Gambar 2 berkaitan dengan urus niaga barang.



Gambar 1




Gambar 2

- (i) Apakah sistem urus niaga dalam Gambar 1 dan Gambar 2?[2markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** kebaikan urus niaga dalam Gambar 1 berbanding Gambar 2. [3 markah]



- (b) Berdasarkan dialog di atas , nyatakan ciri-ciri wang yang lain. [4 markah]
- (c) Berikut merupakan dua jenis institusi kewangan bank.



Jelaskan perbezaan antara CIMB Bank dengan AmMerchant Bank Berhad. [6 markah]

- (d) Jelaskan kemudahan overdraf yang disediakan oleh bank perdagangan. [4 markah]
- (e) Huraikan **tiga** jenis simpanan yang disediakan oleh bank perdagangan. [6 markah]

- 5 (a) Huraikan **tiga** sektor ekonomi yang terdapat di Malaysia. [6 markah]
 (b) Jadual 6 menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2013

Perbelanjaan	Jumlah (RM juta)
Emolumen	19 730.00
Bayaran khidmat hutang	8 880.00
Perkhidmatan ekonomi	12 700.00
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2 540.00
Perkhidmatan sosial	16 250.00
Keselamatan	3 100.00
Pencen dan ganjaran	4 410.00
Bekalan dan perkhidmatan	14 300.00
Pentadbiran am	3 090.00
Perbelanjaan lain	21 960.00
Jumlah	106 960.00

Jadual 6

- (i) Jelaskan maksud perbelanjaan pembangunan. [1 markah]
 (ii) Hitungkan perbelanjaan pembangunan. [4 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan jumlah hasil dan perbelanjaan kerajaan pada suatu tahun.
- | | | |
|--------------------------|---|-----------------|
| Jumlah Hasil | = | RM 106 304 juta |
| Perbelanjaan mengurus | = | RM 97 744 juta |
| Perbelanjaan pembangunan | = | RM 27 284 juta |
- (i) Tafsirkan kedudukan kewangan kerajaan. [3 markah]
 (ii) Bagaimanakah kerajaan mengatasi keadaan di 2(a)(i)? [1 markah]
- (d) Bandingkan antara cukai langsung dengan cukai tidak langsung. [4 markah]
 (e) Huraikan **tiga** jenis hasil cukai langsung kerajaan. [6 markah]

Bahagian B

[25 Markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

6. Syahmi Outo Berhad, pengedar kereta nasional dalam laporan tahunannya menyatakan bahawa jualan kenderaan kereta nasionalnya telah susut kepada 43889 unit pada Januari 2014 daripada 49567 unit pada Januari 2013 walaupun harga kereta naik hanya 5 % sahaja.

Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Eksekutif pemasarannya Encik Mohd Syafiq berpendapat kenaikan harga petrol pada bulan April 2013 bukan penyebab utama jualan kenderaan nasional menurun. Eksekutif Kewangan Encik Zakaria Zahid yang berpendapat kenaikan harga jualan kenderaan nasional sebanyak 5% adalah punca utama jualan kenderaan nasional menyusut. Ia turut menegaskan bahawa kenaikan harga petrol adalah sebanyak 12% tidak memberi kesan yang besar kepada permintaan kereta.

Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan dan terdapat tiga cadangan meningkatkan jualan kereta nasional. Encik Rahman mengesyorkan supaya pihak kerajaan memberi subsidi sebanyak RM5000 terhadap pembelian kereta baru nasional dengan menukarkan kereta lama melebihi 10 tahun. Encik Zakaria merasakan pengurangan harga kenderaan adalah langkah yang pragmatik. Manakala Encik Adam mencadangkan harga minyak diturunkan bagi meningkatkan jualan kereta. Maka satu memorandum telah dihantar oleh Syahmi Outo Berhad kepada kerajaan, ketiga-tiga cadangan ini telah diutarakan.

Kerajaan melalui Persatuan Pengedar Automobol telah membuat kajian ke atas 50 000 orang untuk mendapatkan maklum balas terhadap implementasi setiap cadangan. Selepas dikaji kerajaan memutuskan memberi subsidi RM 5000 terhadap pembelian kereta baru nasional dengan menukarkan kereta lama melebihi 10 tahun. Bagaimanapun selepas tiga bulan didapati jualan kereta hanya meningkat 3%. Pihak Persatuan Pengeluar Automobol sekali lagi menyeru kerajaan membantunya melalui bank pusat bagi meningkatkan jualan kereta nasional.

- (a) Dengan membandingkan jumlah jualan kereta nasional Januari 2014 dan 2013, kira dan tafsirkan nilai pekali keanjalan harga permintaan kereta nasional. [4 markah]
- (b) Apakah akan berlaku kepada pasaran kereta nasional jika cadangan Encik Rahman dilaksanakan? [4 markah]
- (c) (i) Antara ketiga-tiga alasan yang manakah anda setuju. [1 markah]
(ii) Berikan sebab untuk alasan yang anda pilih. [3 markah]
- (d) Berikan cadangan lain untuk meningkatkan jualan kereta nasional. [4 markah]
- (e) Bagaimanakah kerajaan dapat membantu meningkatkan jualan kereta nasional? [9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT